

13 JUN, 2025

Teknousahawan masa depan



Harian Metro, Malaysia



AHMAD Zahid (dua dari kanan) bersama Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kanan) melihat bahan pameran ketika melawat reruai sempena sambutan Hari TVET Negara 2025 di MITC, Ayer Keroh semalam.

SAMBUTAN HARI TVET NEGARA 2025

Teknousahawan masa depan

Melaka

Kerajaan akan mencari kaedah bagi mengubah minda pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ke arah menjadi teknousahawan pada masa hadapan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, TVET menawarkan peluang cerah dalam sektor keusahawanan dan sokongan kerajaan amat diperlukan bagi merealisasikan hasrat itu.

"Terima kasih kepada ibu bapa yang semakin yakin dengan laluan pendidikan TVET ketika ini. Justeru, kita perlu mencari pendekatan baharu untuk mengubah pemikiran pelajar TVET supaya mereka dapat menjadi teknousahawan.

"Setakat ini, institusi TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) sudah melahirkan 50 jutawan, antaranya usahawan paling berjaya yang mengeluarkan bateri kereka dan motosikal berjenama Bateriku.com," katanya ketika berucap pada majlis

perasmian Sambutan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, semalam.

Majlis yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu turut dihadiri Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Ahmad Zahid berkata, ketika Malaysia sedang mengorak langkah menjadi negara maju, keterangkuman semua pihak untuk guna tenaga perlu disela-

raskan, khususnya bagi membantu golongan yang sering terpinggir daripada sistem pendidikan negara.

"Majlis TVET Negara bertanggungjawab mengambil inisiatif untuk melibatkan anak-anak huffaz dalam program TVET agar masa depan mereka dapat dibina dengan lebih baik.

"Antara kejayaan yang boleh dibanggakan ialah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang menerima pelajar huffaz ke Fakulti Aeroangkasa dan Fakulti Maritim serta Universiti Tenaga Nasional (Uniten)

yang mempunyai 550 pelajar huffaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran dan mengikuti kursus kejuruteraan.

"Alhamdulillah sambutan cukup baik (daripada huffaz) dan kami mengalu-alukan kerjasama daripada mudir dan guru tahniz untuk bersama-sama membina negara dengan memastikan masa depan anak-anak huffaz tidak dikompromi. Mereka terus menghafaz al-Quran dan dalam masa sama, turut menjadi jurutera," kata dia.